

Newspaper : **Harian Metro**
Date : **25th December 2013**
Title : **UEM, Bina Puri lengkap pakej kerja**
Section : **Bisnes** Page : **64**

Bina Puri Holdings Bhd
(207184-X)

UEM, Bina Puri lengkap pakej kerja

Kuala Lumpur: UEM Construction Sdn Bhd (UEM) dan rakan usaha samanya, Bina Puri Sdn Bhd (Bina Puri) menegaskan komitmen untuk melengkapkan pakej kerja yang merangkumi pembinaan bangunan terminal utama, bangunan satelit, jambatan udara dan pangkalan pada tarikh akhir yang ditetapkan.

Pengarah Urusan UEM Builders Berhad, Mohd Razin Ghazali berkata rakan usaha samanya bekerja keras bagi memastikan pakej fizikal disiapkan dan mendapat Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) menjelang 31 Januari 2014 melalui kerjasama daripada pelbagai pihak seperti pihak berkuasa, perunding projek terbabit dan Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB).

“Walaupun tarikh akhir pembinaan adalah keutamaan kami namun ia akan dilakukan tanpa menjejaskan keselamatan, kualiti dan keberkesanan operasi lapangan terbang baru terbabit,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Pakej bangunan terminal utama, bangunan satelit,



MOHD Razin

jambatan udara dan pangkalan yang dianugerahkan kepada rakan usaha sama terbabit adalah bernilai RM997 juta. Ia adalah satu daripada 32 pakej awal yang ditawarkan oleh MAHB kepada pelbagai syarikat pada awal permulaan projek KLIA 2.

Pengarah Eksekutif Kumpulan Bina Puri Holdings Berhad, Matthew Tee berkata rakan usaha sama bekerja keras memenuhi tarikh akhir CCC dan proses Pemindahan Lapangan Terbang dan Kesiediaan Operasi (ORAT) yang bermula pada 1 Februari 2014.

From : Group Corporate Communication Department
Date : 25th December 2013
Subject : Bina Puri News Update